

MODEL PRAKTIS STUDIO SERAMIK DALAM PEMBENTUKAN KREATIVITI ARTISTIK BERASASKAN TANAH LIAT ALTERNATIF

Ceramic Studio Practical Model in Forming Artistic Creativity Based on Alternative Clay

Muhammad Safwan Mohd Shariff¹, Harozila Ramli², Ahmad Akmal Haziq Hanafi³

^{1,2,3}*Fakluti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, MALAYSIA*

Muhammadsafwanshariff5037@gmail.com¹, Harozila@fskik.upsi.edu.my², Haziqhanafi12@gmail.com³

Published: 30 April 2024

To cite this article (APA): Mohd Shariff, M. S., Ramli, H., & Hanafi, A. A. H. (2024). Model Praktis Studio Seramik dalam Pembentukan Kreativiti Artistik berasaskan Tanah Liat Alternatif. *Jurnal Peradaban Melayu*, 19(1), 41–48. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.4.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.4.2024>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membuktikan tahap kejayaan model praktis studio seramik dalam pembentukan kreativiti artistik berasaskan tanah liat alternatif. Kejayaan ini menfokuskan kepada pengaplikasian penggunaan tanah liat alternatif terhadap penghasilan karya seni kreatif seramik dengan mengaplikasikan teknik kemahiran tangan. Pengaplikasian ini dilihat daripada soal selidik, pemerhatian dan analisis yang dilakukan sepanjang tempoh kajian dijalankan bagi mewujudkan aura dan minat untuk berkarya. Hasil kajian ini berlandaskan eksperimentasi bersandarkan model praktis studio seramik dalam pembentukan kreativiti artistik terhadap penghasilan karya seni kreatif melalui bimbingan dan dorongan. Terdapat 5 aspek utama iaitu eksplorasi, praktis, aplikasi, teknik dan produk yang perlu dilalui. Hasil dapatan kajian menunjukkan kejayaan penghasilan karya seni kreatif berbentuk karya seramik dari segi reka corak dan penggunaan glazing yang menimbulkan nilai estetika terhadap kesan yang diaplikasikan. Impak yang menarik terhadap penggunaan teknik kemahiran tangan juga dapat dikembangkan secara meluas. Kejayaan terhadap pengaplikasian penghasilan karya seramik berbentuk abstrak dan surealisme dapat dihasilkan secara khusus. Kejayaan ini dapat dikembangkan ke peringkat yang lebih meluas agar pihak tertentu memandang serta menjadikan sebagai salah satu prosedur khusus untuk membangunkan bakat seseorang itu kearah yang kreatif dan berdaya saing menjelang 2030.

Kata kunci: Kreativiti, kreatif, artistik, tanah liat, alternatif

ABSTRACT

This study aims to prove the level of success of the ceramic studio practical model in the formation of artistic creativity based on alternative clay. This success focuses on the application of the use of alternative clay to the production of creative ceramic works of art by applying hand skill techniques. This application is seen from questionnaires, observations and analysis conducted throughout the study period to create an aura and interest in creating. The results of this study are based on experimentation based on the practical model of the ceramic studio in the formation of artistic creativity towards the production of creative works of art through guidance and encouragement. There are 5 main aspects namely exploration, practice, application, technique and product that need to be passed. The results of the study show the success of the production of creative works of art in the form of ceramic works in terms of design and the use of glazing which creates aesthetic value for the effect applied. An interesting impact on the use of hand skill techniques can also be widely developed. Success in the application of the production of abstract and surrealist ceramic works can be produced specifically. This success can be expanded to a more widespread reminder so that certain parties look at it and make it one of the specific procedures to develop a person's talent towards being creative and competitive by 2030.

Keywords: *Creativity, creative, artistic, clay, alternative*

PENGENALAN

Kejayaan seseorang bergantung kepada kehendak, keinginan dan inkuiri dalam diri serta jati diri yang positif kearah ingin berjaya dan menang. Menurut Kamus Dewan 2010, kreativiti sebagai kemampuan (kebolehan) mencipta, daya kreatif dan kekreatifan. Manakala kreatif pula bermaksud mempunyai kebolehan mencipta, menghasilkan dan mengembangkan sesuatu idea baru dan asli. Selain itu, faktor kejayaan seseorang juga datang dari tekad serta disiplin seseorang berkaitan dengan masa dan keinginan. Seni tampak adalah sebuah gerakan yang melibatkan proses pembuatan yang memberikan kepuasan, kenyataan estetika dan nilai-nilai filosofi yang merangkumi ungkapan ekspresi dan gubahan fungsional. Seterusnya penggunaan IT dan ICT ditekankan dalam dunia pendidikan kini. Hal ini menunjukkan sokongan dan bukti kukuh untuk menyokong penggunaan ICT khususnya teknologi multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Seni Visual Ramli, Harozil., Said, Tajul Shuhaizam., Hazman, Mohamad NurHanif Malek, Syamrul Nizam Abdul Hussin, Ridzuan 2019.

Namun begitu pula dengan bidang seni dianggap sebagai mata pelajaran sampingan dan elektif dalam kalangan ibu bapa. M. Johari.Ab. Hamid 2002. Menyebabkan ia menjadi satu polemik dan perdebatan yang rancak dalam sudut pendapat dan kebenaran. Terdapat pandangan negatif menjadikan pemahaman cetek dari sumber rujukan dan maklumat yang tidak tepat terhadap kepentingan seni dalam kehidupan dan di masa depan. Kepentingan seni juga mempengaruhi dan menjadi pelengkap kehidupan serta menjadi lambang kegagalan dan kejayaan seseorang. Seni bukan saja mengajar manusia menghayati keindahan, kecantikan atau sebagainya tetapi memupuk nilai-nilai estetika dan nilai-nilai kemuliaan dalam diri manusia M. Johari.Ab. Hamid 2002. Selain itu, seni merupakan sesuatu yang indah comel molek dan mempunyai keunikan Zakaria Ali 2013. Manakala pembentukan kreativiti bagi Torrance 1970, bahawa kreativiti sebagai sesuatu yang mempunyai keunikan dan May 1975 menganggap kreativiti sebagai proses membawa sesuatu yang baru ke dalamnya. Hal ini membuktikan bahawa kreativiti itu mampu diasah dan bakat sedia ada.

Kerana seni itu adalah gaya dan kehidupan yang memberi perubahan dan keyakinan serta kejayaan. Antaranya lagi, seni harus dilihat sebagai subjek yang mampu 'mengubati' permasalahan yang berlaku dalam jiwa manusia M. Johari.Ab. Hamid 2002. Selain itu, jasad tanah liat juga dapat diaplikasikan dalam penggunaan seramik dengan syarat ianya mempunyai kandungan mineral yang sesuai. Jasad tanah liat juga boleh dijadikan sumber bahan untuk menghasilkan seramik kontemporari, Tajul 2004; tanah liat alternatif mampu menghasilkan karya yang unik dan mempunyai nilai tersendiri bergantung kepada pengkaryanya yang mengkaji sebelum proses penghasilan M.S Shariff 2024. Memandangkan tembikar antara produk tertua dalam sejarah kehidupan manusia seperti yang diperkatakan oleh Ahmad Fauzi 2009 dan Shamsu 2005.


Pengaplikasian tanah liat alternatif berjaya, sekiranya tanah liat tersebut tidak mempunyai kandungan dan mempunyai kadar keplastikan yang baik, Shariff.M.S 2020. Kajian terhadap nilai estetika juga akan diambil kira termasuk reka corak dan ragam hias, Tajul 2007. Nilai estetika juga akan wujud apabila reka corak yang diaplikasikan itu mempunyai dan keunikan dalam sebab dan munasebab penghasilan. Jadi dalam kajian ini, pengkaji akan berkongsi kejayaan dalam pengaplikasian model praktis studio seramik dalam pembentukan kreativiti artistik dalam kalangan pengiat seramik.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan oleh sebab ketiadaan panduan khusus yang boleh membantu pembentukan kreativiti artistik dalam proses pengadaptasian karya kreatif kraf seramik. Hal ini, menyebabkan ia menjadi bosan dan sukar untuk menarik minat dan penerus pengiat dalam bidang kraf seramik. Keberanian dalam diri pengiat terbatas dan tidak berani untuk mengeluarkan idea dan mengolah dari

bentuk 2D kepada 3D. Penyebab utama belum mencuba sudah memberi andaian dan kesimpulan tanpa mengkaji dan menganalisis. Keinginan ingin mula berkarya menjadi terbatas kerana tiada sokongan, dokongan dan pencerahan yang meluas seperti mewujudkan satu sistem yang tidak perlu dijadikan keutamaan. Kefahaman tentang seni dan pengaplikasian yang tidak jelas serta penyebab akhir adalah tiada galakan dan pemantauan yang kosisten. Penggunaan tanah liat alternatif juga terbatas dan berpusat. Ilmu dan kemahiran dalam bidang kraf ini hampir pupus dan tiada pelapis untuk mempelajari teknik dan kemahiran ini. Kefahaman dan tanggapan terhadap tanah liat itu kotor dan susah menyebabkan pengajar dan pendidik menanam satu tanggapan yang tidak wajar bagi segelintir. Seni visual penting dalam pendidikan kerana mampu mempengaruhi tanggapan sosiologi dan psikologi dalam masyarakat bukan ia untuk dikhususkan kepada kelas kebelakang dan tiada harapan. Seni itu meluas dan mempunyai kekuatan dalam kebolehpasaran produktiviti sama seperti lainnya,. Penyebab dan munasebabnya acuan yang diacu akan memberikan kesan buruk kepada produktiviti dalam kalangan para pelapis akan terbatas dan terhad.

KERANGKA KONSEPTUAL



Gambar 1: Kerangka Konseptual Penyelidikan

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024

Penilaian ini dijalankan berdasarkan kerangka yang telah disediakan dengan meneliti dan memerhati tahap keberkesanan kadar kebolehgunaan MPSS terhadap pembentukan kreativiti artistik berdasarkan psikonalisis, humanistik dan konstruktivisme. Hal ini berkait dan saling berhubung dengan jiwa dan matlamat kajian. Sebagai panduan setiap lingkungan memberi satu kesan khas dalam pembentukan kreativiti artistik. Hal ini berkait dengan kehidupan melalui persekitaran peserta dan pengkarya. Pengaruh dan persekitaran mempengaruhi perkembangan pembentukan kreativiti artistik sebelum didedahkan dengan MPSS yang dihasilkan khas untuk membantuk mendorong dan membentuk pemikiran kreatif.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan studio praktis yang dijalankan kejayaan dalam pengadaptasian karya 3D berjaya di aplikasikan dengan baik. Pengilmiah. pengamatan, pengtalaahan dan penyelidikan terhadap 5 aspek utama sebagai tunjang dan asas dalam model praktis studio seramik yang terdiri daripada eksplorasi,

aplikasi, praktis, teknik dan produk berjaya diadaptasikan dan dipraktikkan Hasilnya ia berjaya membantu dan memberi keberanian untuk mengolah dan beradaptasi terhadap karya kreatif dengan membawa *skill* dan teknik tersendiri serta berpandukan tokoh dan pengkajian yang dijalankan sebelum sesuatu proses dilakukan. Penghasilan bukan sahaja kebiasaan malah ia melalui kajian eksplorasi terhadap teknik, artis rujukan, karya pilihan dan struktur serta pengiraan dalam penghasilan. Sentuhan dan buah fikiran mula berbuah dalam mengeluarkan dan mewujudkan masalah, persoalan, objektif dan tujuan bagi memantapkan dan memberi satu inspirasi serta kekuatan pada karya yang dihasilkan.

Kejayaan ini mesti bermula dengan keinginan dan minat sehingga penghasilan karya mula beradaptasi dengan teknik asas dan eksplorasi terhadap penyelidikan yang merupakan salah satu asas utama dalam model praktis studio seramik. Penggunaan reka corak dan pengaplikasian teknik asas berjaya mewujudkan kontra dan penegasan dalam penghasilan karya kreatif. Unsur seni dan prinsip rekaan diciptakan dalam struktur dan penghasilan seramik kreatif ini secara tidak lansung ia menimbulkan kesan estetika yang unik. Hal ini membuktikan kejayaan pembentukan kreativiti artistik dalam kalangan pengkarya berjaya di wujudkan tanpa sedar dan sedar melalui model praktis studio seramik. Berdasarkan kajian penyelidikan Geran KPT 2020 dibawah Prof Dr Tajul Shuhaizam Said berjaya membuktikan penggunaan tanah liat alternatif iaitu dapat diaplikasikan semula dengan adanya model praktis studio seramik.



Gambar 2: Pengaplikasian terhadap Kajian Penyelidikan

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024

Hasil karya kraf seramik yang ditunjukkan merupakan keberhasilan dan kejayaan tahap pengaplikasian teknik asas dan eksplorasi terhadap penyelidikan yang merupakan salah satu asas utama dalam model praktis studio seramik. Penggunaan reka corak dan pengaplikasian teknik asas berjaya mewujudkan kontra dan penegasan dalam penghasilan karya kreatif. Unsur seni dan prinsip rekaan diciptakan dalam struktur dan penghasilan seramik kreatif ini secara tidak lansung ia menimbulkan kesan estetika yang unik. Hal ini membuktikan kejayaan pembentukan kreativiti artistik dalam kalangan pengkarya berjaya di wujudkan tanpa sedar dan sedar melalui model praktis studio seramik. Berdasarkan kajian penyelidikan Geran KPT 2020 dibawah Prof Dr Tajul Shuhaizam Said berjaya membuktikan penggunaan tanah liat alternatif iaitu dapat diaplikasikan semula dengan adanya model praktis studio seramik.



Gambar 3: Pengaplikasian & Rekacorak

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024

Penghasilan karya dan reka corak juga menunjukkan kesan hasil inkuiri dan penyelidikan yang dikaji serta percubaan di peringkat eksplorasi, aplikasi, praktis dan teknik menyebabkan produk yang dihasilkan menarik dan berani. Hasil yang dipamerkan ini menunjukkan keunikan dan kreativiti artistik mula terbentuk dari sudut pandangan dan kajian. Hal ini telah membantu dan mewujudkan simbolik dan lambang identiti sebuah pengkarya untuk dikenali. Penggunaan teknik asas juga dapat digabungkan dengan adanya kajian lakaran perkembangan dan olah idea sehingga pengiat berani mengaplikasikan teknik yang sukar menjadi keutamaan. Keberanian dalam mengaplikasikan penggunaan teknik dan gaya telah memberi satu impak yang positif dalam penghasilan karya yang unik dan bermampu saing. Kejayaan ini memberi satu jalan penyelesaian bagi masalah yang dihadapi dengan berkesan dan efektif. Keberhasilan ini perlu dikembangkan dengan pelbagai variasi dan teknik bagi membantu dan menjadi pendorong kepada audien lain untuk berani berkarya dengan betul dan berpandukan prosedur yang betul. Kejayaan ini mampu memberi keyakinan yang baik kepada kesemua audiens yang berminat dan ingin bergiat dalam bidang seramik.



Gambar 4: Kesan *Glazing*

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024

Terbukti bahawa keberanian terhadap penggunaan *glazing* dapat dilihat setelah penyelidikan dan pengajian mengaplikasikan terhadap karya yang dihasilkan. Pengaplikasian penggunaan teknik dan sapuan berus, semburan dan celup terhadap *glaze* menimbulkan kesan dan nilai estetika yang unik. Terbukti bahawa penghasilan yang menarik dipengaruhi oleh skop kajian dan pengaplikasian penggunaan *glazing* yang estetik mampu memberi kesan dan berimpak tinggi. Pada bahagian ini, peserta menunjukkan tahap kebolehpasaran bakat dan minat itu tinggi dalam penghasilan karya seramik kontemporari yang bervariasi dan perkembangan daripada rupa bentuk, reka corak dan nilai estetika juga turut mengalami pola dan pengertian yang meluas dan berfokus.



Gambar 5: Pengaplikasian dan Pengadaptasian Teknik dan *Glazing*

Sumber: *Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024*

Gambar diatas menunjukkan tahap kejayaan penghasilan karya seramik kontemporari berasaskan penggunaan *glaze* dan model praktis studio seramik yang diaplikasikan dalam pembentukan kreativiti artistik berjaya. Diaplikasikan dalam bentuk arca seramik. Teknik dan *style* pengkarya mula wujud dan menjadi salah satu lambang dan identiti khusus. Hal ini disebabkan oleh dasar utama dalam kejayaan ini pengiat perlu memahami 5 asas utama model praktis studio seramik dan lalui fasa-fasa penuh cabaran. Selepas berjaya memecahkan dan mencari solusi dan jalan penyelesaian. Pengkarya akan berjaya untuk merancang dan merangka strategi dalam proses penghasilan karya mengikut acuan dan kajian yang dijalankan.



Gambar 6: Karya Kreatif dan Style yang Diaplikasikan

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2024

Peserta berjaya melaksanakan proses penghasilan pengaplikasian dan pengadaptasian karya 2D kepada 3D dengan cemerlang. Selain itu bakat dan *style* juga dapat dibangunkan sebagai rujukan dan simbolik lambang kepada identiti pengkarya itu sendiri. Hasil produk dan skop kajian yang diberikan berjaya memberi penekanan dan cabaran yang membuahkan hasil yang lumayan dalam membentuk dan melahirkan bakat serta pemikir bagi meneruskan warisan dan kepakaran serta warisan kraf ini agar tidak ditelan oleh arus pemodenan.



Gambar 7: Adaptasi Teknik dan Style

Sumber: Muhammad Safwan Mohd Shariff 2023

Berdasarkan pengamatan gambar diatas, peserta berjaya membuktikan kebolehan dalam penghasilan tanah liat alternatif dalam penghasilan karya seni kreatif berjaya diadaptasikan dengan beraneka teknik dan reka corak penghasilan. Selain itu, kejayaan dalam memahami skop dan prosedur telah melahirkan peserta yang berkualiti dan berkemampuan dalam berkarya. Hal ini telah menyebabkan berlakunya pendapat dan idea yang membawa kearah kematangan dan daya fikiran yang lebih kreatif dalam penghasilan dan tujuan karya yang ingin dihasilkan. Pemahaman dan pengetahuan yang diperolehi dapat disumbangsarankan sebagai sumber idea yang dapat memurnikan dan penambahbaikan dari segi penggunaan dan proses penghasilan. Penghasilan yang dilalui mampu memberi pengajaran dan pengetahuan yang khusus daripada sudut pandangan sahaja tanpa merasa dan melalui prosesnya.

RUMUSAN

Secara keseluruhan, menunjukkan tahap keboleherjaan dan kejayaan yang tinggi. Penggunaan model praktis studio seramik dapat mewujudkan dan memupuk minat serta inkuiri peserta dalam mendalami dan menghasilkan karya kreatif. Selain itu pembentukan kreativiti artistik dapat digilap dan diasah melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh Geran KPT 2020 dibawah Prof Dr Tajul Shuhaizam Said. Hasilnya geran ini dapat dikembangkan dan diperluaskan dalam penggunaan pendidikan dan khusus dalam bidang tertentu. Selain itu.. terbukti kejayaan dapat dilihat daripada hasil dan penelitian yang dijalankan berdasarkan kajian yang dikongsikan ini. Merangkumi soal selidik, pemerhatian dan analisis sepanjang 14 minggu persamaan 28 jam dalam 1 semester merupakan kajian kualitatif dan berpandukan pada skop dan tempoh kajian yang ditetapkan. Selain itu penekanan kepada pembentukan kreativiti artistik difokuskan secara tuntas agar peserta yang mengikuti kajian penyelidikan ini tidak disia-siakan tahap memperoleh kebolehan dan bakat. Kejayaan ini dapat dikembangkan ke peringkat seterusnya dan dapat dikembangkan secara menyeluruh yang bertepatan dengan proses dan tujuan. Seterusnya kejayaan ini juga dapat dimurnikan dengan mengambil kira beberapa skop lain dalam memfokus kepada tujuan dan pencapaian yang ditarget. Berharap ianya dapat digunapakai dalam bidang dan khusus yang bertepatan dengan objektif dan dasar. Oleh kerana kreativiti dan ilmu ini muncul setelah ia dilalui dengan latihan, praktis, pengamatan, analisis dan pemerhatian yang dijalankan secara keingin dan pembelajaran serta secara khusus.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah merupakan sebahagian daripada penyelidikan FRGS /1/2020/SS10/UPSI/01/2 yang bertajuk Pembangunan Model Praktis Studio Seramik Menerusi Manipulasi Penggunaan Semula Mendakan Tanah Lumpur Sungai (MTLS) Sebagai Jasad Tanah Liat Alternatif dengan kod penyelidikan 2020-0237-107-02. Jutaan terima kasih penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menaja penyelidikan ini. Semoga kajian ini dapat dimurnikan dan digunapakai kearah yang lebih baik. Selain itu, mengharapakan agar ia dijadikan sebagai garis panduan dan rujukan dalam bidang yang sesuai agar penemuan ini boleh membantu dan memberi satu impak positif kepada pihak-pihak tentu.

RUJUKAN

- Ahmad Fauzi Mohd Noor. 2009. Labu hitam sayong dan seramik maju: Pemangkin kelestarian Barron, F., (1988). Putting creativity to work. In Robert J. Sternberg (Ed.). *The nature of Creativity*. Cambridge: Cambridge University.
- MOHD Joharl B. AB. HAMID 2002 Seni Dalam Dunia Pendidikan , Fakulti Sains Sosial dan Kesenian, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg. Malim, Perak May, Rollo, (1975). *The Courage To Create*. Toronto: Bantam.
- Norhayati Ayob1*, Shamsu Mohamad, Sazmal Effendi Arshad 202, *Improving Lapohan Clay Bodies For mulation to Produce Traditional Potteryin Pulau Selakan Semporna*. Asian Journal of Arts,

- Culture and Tourisme-ISSN: 2710-5830| Vol.3, No. 1, 14-19, 2021<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ajact>
- Ramli, Harozil., Said, Tajul Shuhaizam., Hazman, Mohamad NurHanif Bin; Malek, Syamrul Nizam Abdul; Hussin, Ridzuan 2019. The Development And Evaluation Of An Interactive Multimedia Module For The Topic Of Art Elements Of The Visual Art Education Subject International Journal of Innovation, Creativity and Change Volume 10, Issue 6, Pages 246 – 258.
- Safwan Shariff (2020), Mendakan Tanah Lumpur Sungai sebagai tanah liat alternatif untuk penghasilan seramik kontemporari, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Safwan Shariff, Tajul Shuhaizam, Harozila Ramli 2020, Eksperimentasi tanah liat habu sebagai refleksi kreatif seni seramik kontemporari, Kupas Seni, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Safwan Shariff, Tajul Shuhaizam, Harozila Ramli 2021, Aplikasi Model Praktis Studio Seramik Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah Terhadap Penerokaan Kreatif Dan Kritis Berasaskan Tanah Liat Alternatif
- Shamsu Mohamad. 2005. The Malay pottery in Malaysia. Asia Ceramics Network Conference. Seoul, South Korea. 12-18 January.
- Ramli, Harozil., Said, Tajul Shuhaizam., Hazman, Mohamad NurHanif Bin; Malek, Syamrul Nizam Abdul; Hussin, Ridzuan 2019. The Development And Evaluation Of An Interactive Multimedia Module For The Topic Of Art Elements Of The Visual Art Education Subject International Journal of Innovation, Creativity and Change Volume 10, Issue 6, Pages 246 – 258.
- Tajul Shuhaizam Bin Said, Nov 2007. Estetika Tembikar Tradisi Mambong, Kelantan.
- Tajul Shuhaizam Bin Said, Kod Penyelidikan UPSI; 02-04-22-03, 2004, Eksperimentasi Bahan Alam dan Tanah Liat Sebagai Satu Hasil Karya Seramik
- Torrance, P. E. (1970). Creative Learning and Teaching. New York: Harper and Row.
- Zakarian Ali 2013, Estetik Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Zuraidah Hassan & Zuliskandar Ramli 2018, Asian Journal of Environment, History and Heritage June 2018, Vol.2, Issue. 1, p. 223-252 ISSN 2590-4213 e-ISSN 2590-4310, Published by Malay Arts, Culture and Civilization Research Centre, Institute of the Malay World and Civilization

